

BULETIN       
KERJA RAYA

JILID 06/2013
DISEMBER 2013
ISSN: 1985-4595
www.kkr.gov.my



**JAMBATAN
PERSAHABATAN
ERATKAN HUBUNGAN
MALAYSIA DAN BRUNEI**



Penaung

YBhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian
Kerja Raya

Penasihat

YABrs. Encik Sarani Bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

OMR Press sdn. Bhd.
Tel: 03-8024 6396

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks
Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my



Minda
Pengarang

JANJI KERAJAAN KEPADA RAKYAT

"...di mana perlu, kami akan menambah baik program-program kerajaan supaya kesan terhadap pendapatan isi rumah tidak terlalu ketara.

"Kami akan melaksanakan beberapa mekanisme untuk mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan tarif elektrik dan bayaran tol dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) akan mengemukakan idea baharu untuk mengurangkan tekanan kos sara hidup," kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam perutusan tahun baharu melalui blog beliau www.1Malaysia.com.my.

Setelah mengumumkan 11 langkah untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam pada sebelum sehari tahun baharu, Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan akan cuba memastikan kadar kenaikan adalah adil. Katanya kerajaan tidak akan melaksanakan kenaikan kos tanpa memberi bantuan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan.

Mengenai langkah merasionalkan subsidi, beliau berkata kerajaan memperkenalkan langkah pemotongan kos untuk mengurangkan perbelanjaan. Kerajaan mengumumkan 11 langkah, termasuk mengurangkan kos tenaga elektrik di semua jabatan kerajaan sebanyak lima peratus; memperketatkan peraturan pelantikan juru perunding dan memotong elaun tol serta kerajaan menteri dan kategori tertentu penjawat awam.

"Kami juga mengulangi komitmen untuk menangani rasuah, mengurangkan pembaziran kerajaan dan meningkatkan perolehan; meletakkan semua tender kerajaan di atas talian agar ia menjadi lebih telus, dan berusaha untuk lebih merealisasi nilai aset kerajaan," katanya. Najib berkata beliau bertekad untuk melakukan perkara yang tepat untuk negara dan rakyat kerana hanya dengan bertindak secara bertanggungjawab mulai sekarang, kerajaan akan dapat mengukuhkan ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang agar manfaatnya dapat dirasakan dengan lebih meluas.

Dengan merasionalisasikan subsidi, kata Najib, negara akan dapat mengukuhkan kedudukan fiskalnya serta membolehkan kerajaan memberi fokus terhadap perbelanjaan bagi projek pembangunan, termasuk kesihatan dan pendidikan, di samping bergerak ke arah mencapai belanjawan seimbang menjelang 2020.

"Dengan mengambil langkah yang diperlukan untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih kukuh, kami bukan sahaja melindungi negara daripada krisis kewangan, tetapi juga mewujudkan peluang dan pekerjaan baharu.

Selamat Tahun Baru 2014!

Pengarang



PERASMIAN JAMBATAN PERSAHABATAN DI ANTARA MALAYSIA DAN BRUNEI

► **LIMBANG, 8 Disember** - Perasmian Jambatan Persahabatan yang menghubungkan bahagian Limbang, Sarawak dengan Daerah Temburong, Brunei Darussalam telah dirasmikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Projek jambatan pre-cast concrete ini adalah sepanjang 189 meter dan mempunyai lebar 14 meter iaitu dua lorong-dua hala ini telah dibahagikan kepada tiga pakej iaitu pembinaan jambatan di mana kos pembinaannya sebanyak RM 21.95 juta dikongsi bersama oleh Malaysia dan Brunei Darussalam. Manakala kos pembinaan jalan tuju di sebelah Malaysia ditanggung oleh Malaysia dan pembinaan jalan tuju di sebelah Brunei Darussalam pula ditanggung oleh Brunei Darussalam. Projek ini telah mengambil masa selama 17 bulan, iaitu bermula pada 15 Mei 2012 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2013.

Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam telah bersetuju untuk menamakan Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan sebagai "JAMBATAN PERSAHABATAN". Penamaan ini adalah sesuai bagi melambangkan kemesraan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan memenuhi objektif meningkatkan kesalinghubungan yang ingin dicapai oleh ASEAN.





► **LIMBANG, 30 November-** Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembaikan cerun di KM0.80 Jalan Limbang New Airport hari ini. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai dari Bahagian Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya.

Dalam lawatan kerja itu, Datuk Fadillah berkata Kementerian Kerja Raya juga menyalurkan peruntukan berjumlah RM140 juta kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak bagi pembangunan serta penambahbaikan jalan raya di Limbang dan Lawas dengan setiap kawasan menerima RM70 juta.

Jalan Limbang - Lawas merupakan sebahagian daripada Jalan Pan Borneo yang merupakan jalan utama menghubungkan bandar-bandar di Sarawak dan Sabah. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta dalam pengumuman Bajet 2014 untuk kerja-kerja menaik taraf Jalan Pan Borneo secara berperingkat sehingga tahun 2025.



LAWATAN KERJA KE JALAN LIMBANG – LAWAS

NAIK TARAF JALAN LIMBANG RM70 JUTA

► **LIMBANG, 29 November** - Menteri Kerja Raya YB Datuk Fadillah Yusof telah sudi hadir Majlis Makan Malam dan Taklimat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di Hotel Purnama di sini.

Pada majlis itu, Datuk Fadillah menjelaskan bahawa sejumlah RM70 juta diperuntukkan kepada Limbang dan RM70 juta lagi kepada Lawas bagi pembangunan dan penambakan jalan raya di kawasan itu.

Peruntukan itu membabitkan projek diluluskan, perancangan dan pelaksanaan projek di kawasan utara negeri Sarawak.



MENTERI KERJA RAYA LANCARKAN “BUILD BRIGADE” - PROGRAM CSR CIBD DAN INDUSTRI PEMBINAAN



▶**KUALA LUMPUR, 25 November** - Menteri Kerja Raya Datuk Haji Fadillah Yusof hari ini melancarkan “Build Brigade”, iaitu satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) anjuran Lembaga Pembangunan Industri pembinaan Malaysia (CIDB) dan para penggiat industri pembinaan.

Build Brigade ini ditubuhkan bertujuan mengumpulkan sumber yang ada di dalam industri untuk disalurkan kepada komuniti yang memerlukan, terutama yang hidup di kawasan-kawasan pedalaman negara.

Program Build Brigade pada tahun 2013 melibatkan empat projek membaik-pulih dan juga membina kemudahan seperti balairaya dan tabika. Ini termasuk pembinaan sebuah pusat komuniti untuk masyarakat Penan yang berharga RM250,000 di Long Keluan, Miri Sarawak, yang dijadual akan siap pada akhir Januari 2014.

Menteri Kerja Raya di dalam ucapan perasmianya berkata, perkampungan Long Keluan di sambung ke Bandar terdekat, iaitu Miri hanya melalui jalan balak yang berdebu ketika cuaca panas dan licin ketika hujan dengan perjalanan mengambil masa kira-kira lima jam.

Justeru amatlah jelas, usaha membawa masuk bahan-bahan binaan ke kawasan kampung itu sendiri sangatlah mencabar dan memakan belanja yang tinggi.

“Selain projek di Long Keluan, Build Brigade turut melaksanakan projek pembinaan pusat komuniti di Perkampungan Orang Asli Sungai Miak, Janda Baik, Pahang, dengan kos sebanyak RM160,000, yang dijangka siap pada akhir Februari 2014. Dua lagi projek yang turut dilaksanakan ialah membaik pulih pusat komuniti di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu yang dijangka siap akhir bulan November ini, dan membaik pulih Tabika di Perkampungan Orang Asli Post Brooke, Gua Musang, Kelantan, yang dijangka siap akhir Disember tahun ini. Kedua-dua projek di Terengganu dan Kelantan ini masing-masing melibatkan kos RM100,000,” jelasnya.

Selain pelancaran Build Brigade, majlis tersebut juga diadakan bagi memberi penghargaan kepada para penggiat industri yang aktif dalam menganggotai pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan untuk meningkatkan program berkaitan dengan industri pembinaan.



LAWATAN KERJA MENTERI KERJA RAYA KE KUALA LUMPUR SENTRAL CBD

► **KUALA LUMPUR, 28 November-** Menteri Kerja Raya YB Datuk Fadillah Yusof, telah mengadakan lawatan kerja ke Kuala Lumpur Sentral CBD hari ini. Kuala Lumpur Sentral CBD merupakan sebuah pusat bandar eksklusif yang dibangunkan berasaskan amalan terbaik teknologi hijau dan pembangunan lestari. Ia dibina di sekeliling 'Hab Pengangkutan' bersepadu terbesar Malaysia iaitu Stesen Sentral Kuala Lumpur (SSKL).

Antara bangunan yang dilawati adalah Menara Shell yang telah menerima pengiktirafan Emas di dalam pensijilan piawaian *Leader in Energy and Environmental Design (LEED)* dari *US Green Building Council* dan juga pensijilan *Green Building Index (GBI) Malaysia*.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohamad Salim Fateh Din, Pengarah Urusan Kumpulan MRCB dan taklimat pembangunan Kuala Lumpur Sentral CBD pula telah disampaikan oleh Encik Mohd Imran Datuk Mohamad Salim, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, MRCB.





IBCC 2013

MENGHIMPUN WARGA UKUR BANGUNAN

► **KUALA LUMPUR, 21 November** – Program *The 3rd International Building Control Conference (IBCC) 2013* yang bertemakan “*Transformation of Technology Towards Sustainable Built Environment Strategy*” telah berjaya menghimpun pakar, ahli akademik dari bidang Ukur Bangunan dari dalam dan luar negara.

Program yang diadakan bertempat di Hotel Royale Chulan ini bertujuan memberi peluang kepada penyelidik membentangkan hasil penulisan kajian mereka serta menjadi medan untuk para pengamal Ukur Bangunan bertukar pengalaman dan berkongsi ilmu.

Perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya yang dalam ucapannya menyeru semua pihak yang hadir untuk memainkan peranan, mempergiat usaha dan memberikan sumbangan ke arah matlamat menjadikan negara dalam persekitaran lestari, tercapai. Persidangan ini merupakan anjuran secara usahasama antara Building Surveying Division dan Junior Organization Committee di bawah naungan Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), dengan kerjasama UiTM Perak, UKM, UM, UTM, USM dan L&G Twintech College.



SEMARAKKAN TRANSFORMASI DIKALANGAN WARGA KKR

► **KUALA LUMPUR, 22 November** – Warga Kerja Raya telah berhimpun di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini untuk mendengar taklimat dan berkongsi Kerangka Kerja Transformasi Jabatan Perkhidmatan Awam (KTJPA). KTJPA ini telah dibangunkan oleh JPA selaras dengan pelaksanaan Transformasi Perkhidmatan Awam yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sewaktu Bajet 2014.

Taklimat ini telah disampaikan oleh YBrs. Encik Surendran C.K. Balan, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, JPA. Fokus transformasi ini terbahagi kepada lima teras utama iaitu modal insan, organisasi, penyampaian perkhidmatan, jalinan kerjasama serta penglibatan (engagement) dan nilai-nilai murni.

Program ini diakhiri dengan penyampaian amanat oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Moderator untuk sepanjang program ini ialah YBrs. Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKR. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), para Pegawai Kanan JPA dan seluruh warga KKR serta agensi.



HARI INOVASI KKR 2013 - 'MELANGKAUI SEMPADAN, MERINTIS KEUNGGULAN'



► **KUALA LUMPUR, 31 Oktober** – Sambutan Hari Inovasi 2013 Kementerian Kerja Raya (KKR) telah dirasmikan oleh YB Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid dengan bertemakan 'Melangkaui Sempadan, Merintis Keunggulan'.

Para pemenang setiap kategori menerima wang tunai RM5,000, piala dan sijil bagi pemenang tempat pertama, wang tunai RM3,000 dan sijil untuk pemenang tempat kedua dan wang tunai RM2,000 beserta sijil untuk pemenang tempat ketiga. Hadiah telah disampaikan oleh YB Menteri kepada kumpulan yang berjaya.

Pada majlis ini juga, para pemenang Anugerah Inovasi KKR 2013 telah diraikan. Terdapat enam kategori Anugerah Inovasi yang dipertandingkan iaitu Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Teknikal, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Pengurusan, Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi Pengurusan Bilik Fail dan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek.

Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dengan jayanya termasuklah Larian Hari Inovasi yang merupakan program terakhir Hari Inovasi 2013 KKR dan dilepaskan oleh YBhg Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR.





BENGGKEL PELAN TINDAKAN KKR

►CAMERON HIGHLAND, 15 November – Pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berkumpul di Hotel Equatorial untuk Bengkel Pelan Tindakan KKR Tahun 2013 dan Perancangan Pelan Tindakan KKR Tahun 2014. Objektif bengkel ini adalah untuk mengkaji dan melaporkan pencapaian Pelan Tindakan KKR yang telah dilaksanakan bagi tahun 2013 bagi memastikan setiap strategi organisasi tercapai dalam meningkatkan mutu penyampaian terhadap stakeholder serta membincangkan Pelan Tindakan KKR bagi tahun 2014.



Program ini dimulakan dengan ucapan motivasi oleh YBrs. Dr. A. Sher Kawi Jaafar bertajuk 'Peningkatan Imej Organisasi'. Seterusnya, Setiausaha Bahagian dan ketua unit telah membentangkan Pelan Pencapaian dan Pelan Perancangan Bahagian dan Unit masing-masing. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha (KSU). Turut hadir ialah YBrs. En. Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaan.

KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE INDIA YANG BAHARU

► **KUALA LUMPUR, 9 September** - YBhg. Datuk Naimun Ashakli bin Muhammad, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India yang baharu telah mengadakan *courtesy call* terhadap YB Menteri Kerja Raya bertempat di pejabat rasmi YB Menteri Kerja Raya. Tujuan kunjungan hormat ini adalah bagi mendapatkan *input* dan maklumat serta penjelasan atas sebarang isu berkenaan kerjasama dua hala antara Malaysia dan India di peringkat Kementerian Kerja Raya sedia ada.

YBhg. Datuk Naimun Ashakli turut bersedia menawarkan bantuan atas kapasiti beliau sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sana untuk melancarkan sebarang urusan dalam memastikan semua agenda yang dirancang berjalan dengan lancar. Lawatan ini telah diuruskan oleh Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Pembangunan Profesional (BAPP), Kementerian Kerja Raya.



Tahniah

Portal Rasmi KKR diiktiraf sebagai
PORTAL BERTARAF 5 BINTANG
melalui Penilaian Laman Web/Portal Agensi
Kerajaan Malaysia 2013

Portal
bertaraf
5 bintang
★★★★★

PKK ANJUR SEMINAR UNTUK KONTRAKTOR KEDAH



▶ **YAN, 28 Oktober** – Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kedah dengan kerjasama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Kedah telah menganjurkan dua seminar untuk para kontraktor bumiputera sekitar Negeri Kedah. Seminar tersebut adalah Seminar Asas Penyelenggaraan Bangunan dan Kerja-Kerja Mengecat dan Seminar Kerja-kerja Pembaikan Am Bangunan dan Latihan Praktikal.

Seminar ini bertujuan sebagai medan untuk para kontraktor bumiputera sekitar Negeri Kedah berkongsi ilmu selain mengumpul mata untuk tujuan memperbaharui lesen. Perasmian penutupan seminar ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof diiringi Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan turut dihadiri Encik Yahaya bin Hasan, Pengarah PKK Malaysia dan Dato' Mokhtar Hj Samad, Presiden PKMM.



KONTRAKTOR MELAYU PERLU MEMPERKASA DIRI

▶ **KUALA LUMPUR, 15 Disember** – Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof telah menghadiri Majlis Makan Malam Penghargaan & Anugerah anjuran Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) di sini.

Dalam majlis itu, PKMM telah menyumbang RM180,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Time Press (M) Berhad untuk mangsa banjir dan sumbangan itu telah disampaikan oleh Datuk Fadillah kepada Penasihat Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Ahmad A Talib.

Dalam ucapan perasmian majlis tersebut, Datuk Fadillah mengingatkan kontraktor Melayu dan Bumiputera untuk terus memperkasa diri bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global dan mendepani pelbagai cabaran semasa. Turut hadir sama ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Presiden PKMM, Datuk Mokhtar Samad.





CERAMAH PERDANA MAAL HIJRAH 1435H

► **KUALA LUMPUR, 19 November** – Ceramah Perdana sempena Maal Hijrah 1435H/2013M peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya hari ini. Ceramah telah disampaikan oleh YBhg. Ustaz Ahmad Termizi bin Abdul Razak, Murobbi Program Realiti Pencetus Ummah. Majlis ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran warga KKR.



KERATAN AKHBAR

ANUGERAH TANGAN TENGAH
 Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KEMENTERIAN KEMAHIRAN MALAYSIA (KKM)) ber-23 8381
 untuk menyertai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) ber-23 8381
 Perdana Menteri 2014.

Sektor-sektor kemahiran yang dipertandingkan

PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PKM)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) DAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

RM100.00

MySkills

Bina lorong khas semua lebuhraya

Demi keselamatan penunggang

KUALA LUMPUR - Demi keselamatan penunggang motosikal kerajaan bertindak proaktif dengan mengemukakan cadangan bagi membolehkan satu jawatankuasa khas bertujan mengkaji pembinaan lorong khas motosikal di semua lebuhraya.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof berkata, kementerianya telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menangani permasalahan itu mengenai bukan semua lebuhraya menyediakan lorong khas untuk motosikal.

"Ini adalah kesama ketika ini kerana beberapa lebuhraya saja mempunyai lorong khas untuk motosikal," katanya.

Sementara itu, antara kajian yang dijalankan, termasuk kategori motosikal yang dibenarkan berada di lebuhraya mengikut kapasiti enjin (CC) dan kelajuan lorong khas yang ingin dibina bagi membolehkan pelbagai saiz motosikal termasuk yang berkuasa tinggi dan bersaiz besar.

Katanya, berbanding motosikal berkuasa tinggi, pengguna motosikal kecil terdedah kepada risiko kemalangan kerana angin daripada kenderaan lain yang laju boleh mengakibatkan motosikal itu berada dalam keadaan tidak seimbang.

"Kita sedang mengkaji perkara ini," katanya.



FADILLAH

Lebuhraya Kuantan-Gemuruh sudah dibuka berperingkat

Bilakah Lebuhraya Pantan-Tanjung akan dibuka berperingkat

SHAH ALAM 20 Nov. - Pembinaan jambatan ketiga di bandar Klang dijangka bermula pada Julai depan dengan anggaran kos mencecah RM281 juta termasuk pengambilan tanah dan yuran perundingan kata Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

Pada masa ini, katanya, Jabatan Kerja Raya Selangor melalui perunding Vast Consultancy Sdn. Bhd. sedang membentuk jambatan itu dengan terperinci yang dijangka selesai pada Januari depan.

Beliau berkata demikian semasa meninjau projek pembangunan di Ng Suan (Nehnan) di kawasan perikanan jambatan jambatan kos perolehan akan dianggarkan daripada projek itu. Beliau menjawab pertanyaan Dewan Undangan Besar di sini hari ini.

Teng Khim berkata, projek itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Selangor dan akan melibatkan perolehan tanah di kawasan itu.

Beliau berkata, projek itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Selangor dan akan melibatkan perolehan tanah di kawasan itu.

RM30m to repair Serdang Hospital

Collapsed ceilings: Ministry to work with consortiums to repair damage

Sept 30 and Oct 1 this year.
 "An estimated RM10 million will be used for the first phase of the makeover, the rest will be channelled to the construction of the hospital," he said yesterday.

The first phase, he said, focus on strengthening the sections of the hospital, repairing the sites affected by damaged ceilings.

The second phase would consist of constant checks and maintenance by the Public Works Department.

Dr Subramaniam said the government will conduct checks to ensure the hospital's structure was up to the mark.

The minister said the government will use RM10 million to strengthen high-risk sections of the hospital.



Datuk Seri Dr S. Subramaniam

Kota Baru-Machang highway to be built

FEDERAL PROJECT: Work on Pasir Hor-Kadok stretch starts next year

KUALA LUMPUR - The Malaysian government is planning to build the Kota Baru-Machang highway in the state of Kelantan.

The Kelantan government is planning to build the Kota Baru-Machang highway in the state of Kelantan.

The Kelantan government is planning to build the Kota Baru-Machang highway in the state of Kelantan.



Naik taraf lebuhraya mengelak kesesakan

Fourth lane for congested stretches of expressway

KUALA LUMPUR - Kerajaan bersetuju menaikkan taraf beberapa lokasi di Lebuhraya Utara Selatan (Plus) yang dikenal pasti mengalami kesesakan akibat peningkatan trafik semasa perayaan.

THE government is upgrading a number of locations along the North-South (PLUS) Expressway identified as congested during the festive season and school holidays because of a high increase in traffic.



Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin

Fasa kedua Duke bermula

Lorong khas motosikal dikaji

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Pengenderaan Khas Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) bermula.

Untuk memastikan perjalanan yang lancar dan selamat di musim perayaan ini pengguna juga disarankan berkongsi maklumat berkaitan trafik di laman sesawang rakan tonda lebuhraya di <http://rakan.tonda.lm.gov.my> untuk makluman umum," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Wan Salwan turut meminta pengguna lebuhraya untuk berhati-hati semasa memandu.



Pengurus Projek

Prolintas clinches RM11.5b deals

CONCESSION AGREEMENTS: COVISH SJKM highway project

KUALA LUMPUR - Prolintas has clinched a RM11.5 billion deal to build and operate a new highway project in the state of Selangor.

The deal involves the construction of a new highway project in the state of Selangor.

Ekovest shareholders approve DUKE Phase-2

Shareholders approve DUKE Phase-2

KUALA LUMPUR - Ekovest shareholders have approved the second phase of the DUKE project.

The approval allows the project to proceed to the next stage.



ISBN 1985 - 4595
9 771985 459008

Malaysia

Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, projek bernilai RM1.437 bilion itu melibatkan